

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]
TARIKH : 18 JUN 2014
SOALAN :

YB Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah Klinik 1Malaysia di seluruh negeri Sarawak. Adakah semua Klinik 1Malaysia mempunyai kemudahan setaraf dengan poliklinik. Mengapakah tiada doktor yang berkelayakan berkhidmat di Klinik 1Malaysia di Jakar, Sarikei.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat 25 buah Klinik 1Malaysia (K1M) di negeri Sarawak. Pada tahun 2014, sebanyak 7 lagi K1M akan ditubuhkan di Sarawak. Berbanding dengan klinik kesihatan yang memberi rawatan yang lebih menyeluruh, Klinik 1Malaysia menyediakan perkhidmatan rawatan penyakit ringan seperti demam, batuk, selsema dan prosedur ringan. Walaupun tiada doktor yang ditempatkan di Klinik 1Malaysia Jakar, K1M ini adalah di bawah pengawasan Klinik Kesihatan Sarikei yang terletak dalam jarak 10 km. Sebarang kes memerlukan pengendalian doktor akan dirujuk ke klinik kesihatan tersebut.